

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

COVID-19 tidak lagi kecemasan global bukan alasan abai risiko



Pensyarah Kanan,
Jabatan Kesihatan
Awam, Universiti
Putra Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Malina Osman
bhrencana@bh.com.my

Pertubahan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Jumaat lalu membuat keputusan untuk tidak lagi mengklasifikasikan jangkitan COVID-19 sebagai kecemasan global. Perisytiharan ini satu berita baik menamatkan potensi kebimbangan berkaitan jangkitan COVID-19.

Pola jangkitan dan kematian akibat pandemik itu terus menunjukkan penurunan serta angka jangkitan keseluruhannya di seluruh dunia dalam lingkungan 3,000 kes. Cerapan semasa turut mendapati, tidak ada sebarang ancaman ledakan kes teruk serta berpotensi menggugat sistem perkhidmatan kesihatan.

Dengan pengisytiharan berkenaan, boleh dirumuskan fasa peralihan ke endemik seperti ditetapkan kerajaan sebelum ini boleh dianggap sudah berakhir dan pada masa ini kita berada dalam fasa endemik. Sehubungan itu, semua peraturan berkaitan dengan pencegahan dan kawalan jangkitan ketika fasa pandemik kini perlu dipertimbangkan dan diperhalusi untuk diguna pakai dalam fasa endemik.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah pasti mempunyai pelan tindakan akan diguna pakai dalam konteks kawalan dan pencegahan jangkitan COVID-19, sama seperti penyakit berjangkit lain. Kemas kini pelan pencegahan itu dijangka dimaklumkan kepada masyarakat umum dalam tempoh terdekat.

Sejak 1 April 2022, rakyat menikmati pelbagai kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) yang mana suasana rutin seharian individu dan perjalanan aktiviti dalam masyarakat berlangsung dalam keadaan hampir sama seperti era pra pandemik.

Kita juga menyaksikan sepanjang tempoh lebih setahun ini, negara tidak berdepan dengan sebarang situasi pernah dihadapi ketika kes COVID-19 memuncak pada 2021. Meskipun pada waktu tertentu, ada sedikit peningkatan kes dilaporkan serta dimasukkan ke hospital, namun secara keseluruhannya, majoriti kes berkenaan adalah jangkitan ringan dan pulih tanpa sebarang masalah.

Kelonggaran dilaksanakan juga termasuk saringan suhu individu ke premis pekerjaan, termasuk pesakit mendapatkan rawatan di klinik pesakit luar. Aplikasi MySejahtera pula diperluas untuk pesakit lain serta perkhidmatan kesihatan lain.

Dari segi kesihatan awam, dengan perisytiharan WHO itu, maka jangkitan COVID-19 bukan lagi ancaman terhadap sistem perkhidmatan kesihatan. Ia wajar ditangani sama seperti penyakit berjangkit lain serta diasas dan dikawal menggunakan langkah disyorkan serta menurut garis panduan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Kaji semula pemakaian pelitup muka

Ini bermakna, peraturan mewajibkan pemakaian pelitup muka di organisasi tertentu perlu dikaji semula, kecuali untuk mereka bergejala. Justeru, majoriti individu sihat perlu diberikan pilihan untuk memakai pelitup muka atau tidak.

Demikian juga dengan peraturan sebahagian hospital mewajibkan ujian RT PCR (Ag) untuk pesakit dimasukkan ke wad. Mereka perlu diberi pilihan untuk melakukan atau tidak ujian saringan kecuali bagi individu jelas mempunyai gejala.

Justifikasi untuk kekal melaksanakan ujian saringan COVID-19 secara rutin untuk pesakit di hospital perlu diberikan kerana jelas peraturan itu tidak tepat kerana saringan pada masa ini hanya dilaksanakan dalam kalangan pesakit sahaja sedangkan kakitangan hospital tidak disaring setiap hari untuk memeriksa jangkitan COVID-19.

Apa yang penting, perisytiharan WHO ini wajar dimanfaatkan semua pihak, terutama kerajaan dan KKM bagi mengekang perbelanjaan tidak perlu seperti pembelian pelitup muka atau ujian saringan yang diketahui agak mahal.

Namun, dalam konteks pengambilan vaksin, sama seperti vaksin penyakit berjangkit lain, sudah sampai masa ada kos harus dibayar rakyat dan tidak lagi boleh diberikan secara percuma seperti pada era pandemik dahulu.

Bagi individu dan rakyat, rutin kehidupan sedia ada boleh diteruskan seperti biasa, pada masa sama, mereka perlu kekal mengambil berat kesihatan individu berisiko di bawah jagaan untuk mengelakkan jangkitan teruk serta sentiasa mengamalkan cara hidup sihat.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur

TIGA FAKTOR JADI PUNCA

Golongan muda perlu mengambil langkah proaktif untuk mencegah penyakit strok atau angin ahmar daripada berlaku kerana kajian menunjukkan kes strok semakin meningkat dalam kalangan mereka dengan 15 peratus melibatkan strok iskemia atau arteri tersumbat.

Strok kadang-kadang dipanggil serangan otak berlaku dalam satu daripada dua cara, arteri yang disekat (strok iskemia) atau arteri pecah (strok pendarahan).

Perunding Neurologi dan Pakar Perubatan Dalaman, Sunway Medical Centre Velocity (SMCV) Dr Kok Chin Yong berkata, profesional penjagaan kesihatan telah mengesan trend peningkatan strok iskemia dalam kumpulan kerja yang lebih muda

Strok: Makin ramai orang muda kini jadi mangsa!

dan kira-kira 40 peratus daripada kes yang memerlukan kemasukan ke hospital adalah di bawah 60 tahun.

Beliau berkata, kajian menunjukkan merokok, tidak aktif fizikal dan hipertensi selain faktor persekitaran seperti pencemaran udara adalah antara faktor utama strok.

"Golongan muda lebih mudah terdedah kepada faktor ini kerana gaya hidup mereka yang tidak aktif, tabiat makanan yang tidak sihat, masa skrin yang berlebihan dan peningkatan pengambilan alkohol.

Katanya, apnea tidur obstructif (OSA) dan pengambilan dadah secara haram juga sering diabaikan, yang merupakan faktor risiko menyumbang kepada strok.

Dr Kok juga berkongsi, strok juga boleh disebabkan oleh faktor risiko yang jarang diperolehi seperti sindrom moya-moya (gangguan serebrovaskular progresif yang jarang berlaku disebabkan oleh arteri terhalang), sindrom

anti-fosfolipid (menyebabkan pembekuan darah yang tidak normal) serta keabnormalan jantung.

Dengan pelbagai faktor risiko yang boleh menyumbang strok, Dr Kok mencadangkan agar golongan muda perlu mengamalkan gaya hidup sihat seperti senaman yang kerap dan diet seimbang bagi menangani risiko itu.

Beliau juga tidak menggalakkan penggunaan dadah rekreasi dalam apa jua cara kerana penyalahgunaan dan berlebihan boleh mengakibatkan penyempitan saluran darah yang teruk, mengakibatkan strok.

Beliau berkata, orang ramai perlu mengenal pasti dan menangani pencetus tekanan mereka dengan sewajarnya kerana tekanan adalah perkara biasa pada masa kini dan ia akan secara langsung boleh menjejaskan tingkah laku yang tidak sihat, yang meningkatkan risiko strok.

"Jika tekanan mengakit-

kan tidur terjejas, maka ia adalah sesuatu yang perlu dirisaukan dan perlu ditangani. Ini kerana tidur yang kurang baik mempunyai kesan ke atas sistem imun dan menyebabkan keabnormalan dalam masalah darah dan jantung yang berpotensi menyebabkan strok," katanya.

Beliau berkata, antara simptom biasa strok yang perlu diberi perhatian ialah terkulai muka, lemah lengan dan masalah pertuturan dan orang ramai boleh menggunakan BE FAST untuk membuat penilaian.

"B untuk isu keseimbangan atau pening, E untuk masalah mata atau visual, F untuk terkulai muka, A untuk kelemahan

lengan atau kaki atau kebas, S untuk gangguan pertuturan dan T untuk masa memanggil 999. Untuk penilaian lanjut, doktor akan menggunakan skala strok yang ditentukan seperti Skala Strok Institut Kesihatan Kebangsaan untuk menentukan keterukan strok. Semakin tinggi skor, semakin serius strok," katanya.

Selain itu, Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi Dr Foong Chee Choong berkata, rawatan dan rehabilitasi penting untuk pemulihan namun banyak faktor perlu diambil kira seperti memilih pakar dan peralatan yang sesuai untuk membantu proses berkenaan.

"Proses pemulihan dan je-

nis rawatan akan berbeza dan tiada dua pesakit akan mengalami kemajuan yang sama. Memandangkan faktor ini, doktor perlu menilai keadaan pesakit dan mencadangkan pelan rawatan yang sesuai dan berkesan yang disesuaikan dengan keperluan mereka," kata Dr Foong.

Beliau berkata, usia memainkan peranan penting dalam pemulihan strok dengan pesakit lebih muda mempunyai peluang lebih baik untuk mendapatkan mobiliti yang lebih cepat dan pulih berbanding mangsa yang lebih tua, tetapi mereka juga akan mendapat manfaat yang baik daripada program pemulihan strok yang betul.

Sementara itu, beliau berkata penggunaan robotik dalam pemulihan strok boleh meningkatkan proses berjalan dalam masa

satu hingga tiga bulan dan membolehkan maklum balas yang tepat untuk meningkatkan pergerakan dan fungsi mereka, selain menyediakan pelbagai peringkat bantuan kepada mangsa.

Beliau menambah penggunaan jurulatih gait exoskeleton juga telah digunakan secara meluas di Malaysia sejak sedekad yang lepas, memberi manfaat kepada pesakit seperti kecederaan saraf tunjang, lumpuh pada bahagian bawah badan, kecederaan otak traumatik dan lain-lain lagi.

“Gaya hidup yang tidak aktif, tabiat makanan tidak sihat, masa skrin berlebihan dan peningkatan pengambilan alkohol”
Dr Kok



GOLONGAN muda perlu mengamalkan gaya hidup sihat seperti senaman yang kerap dan diet seimbang bagi mengelak daripada terkena strok.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Lantikan tetap 12,800 pegawai perubatan kontrak

KKM terima dana tambahan RM1.7 juta

Oleh MUHAMMAD NAJIEB
AHMAD FUAD

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sebanyak RM1.7 juta peruntukan kewangan tambahan bagi melantik seramai 12,800 pegawai kontrak ke jawatan tetap di bawah kementeriannya.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, baru-baru ini seramai 4,263 pegawai perubatan kontrak telah diserap kepada jawatan tetap dan ia akan diteruskan secara berperingkat bagi tempoh tiga tahun sehingga 2025.

Katanya, usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian itu bagi memastikan kebajikan warga kerjanya terus terbela pada masa akan datang.

"Usaha penyerapan dan pengisian perjawatan kontrak kepada jawatan tetap juga melibatkan pelbagai skim dalam sektor kesihatan, antaranya seperti pegawai farmasi, pegawai perubatan pergigian, jururawat, penolong pegawai perubatan dan pegawai kesihatan awam," katanya dalam hantaran di Facebook beliau semalam.

Beliau juga berkata, dalam usaha ke arah meningkatkan taraf penjagaan perkhidmatan kesihatan di Malaysia ia akan diterajui oleh pembangunan Kertas Putih Kesihatan.

"Pembentangan di Parlimen kelak akan menjadi titik tolak kepada hala tuju KKM untuk melihat perubahan dari perspek-



DR. ZALIHA ketika menyampaikan sijil perkhidmatan cemerlang kepada warga kerja KKM pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 di Putrajaya semalam.

tif penjagaan penyakit (*sick care*) kepada penjagaan kesihatan (*health care*)," ujarnya.

Dalam pada itu, berhubung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2022, Dr. Zaliha berkata, manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja kesihatan diberikan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kerja yang telah diamalkan.

"Alhamdulillah, tahun ini kita dapat meraikan seramai 757 orang penerima APC termasuk tujuh orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang.

"Semoga dengan anugerah ini akan dapat menyuntik semangat, mencetuskan inspirasi dan menjadi suri teladan terbaik kepada rakan sekerja yang lain, khususnya dalam membentuk sebuah ekosistem pekerjaan yang cemerlang," jelasnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Kes demam malaria meningkat 75 peratus di Terengganu

KUALA TERENGGANU – Penularan demam malaria di Terengganu semakin membimbangkan dengan peningkatan 75 peratus sejak awal tahun ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, sepanjang tempoh itu, sebanyak 21 kes demam malaria dilaporkan di negeri ini.

"Sebagai perbandingan, cuma 12 kes demam malaria dilapor-

kan di Terengganu dalam tempoh sama pada tahun lalu.

"Hulu Terengganu merekodkan kes tertinggi iaitu sembilan diikuti Kemaman dan Dungun masing-masing empat, Setiu (dua), manakala Besut serta Marang pula masing-masing satu kes," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kasemani berkata, sebanyak 20 kes demam malaria dikenal-

pasti sebagai bawaan haiwan atau zoonatik, manakala satu lagi pula jangkitan manusia.

Beliau menjelaskan malaria zoonotik disebabkan oleh parasit *plasmodium knowlesi* yang merebak daripada haiwan seperti kera yang menjadi perumah kepada manusia.

"Malaria jangkitan malaria manusia pula disebarkan parasit *plasmodium* seperti *falciparum*,

vivax, *malqriae* dan *ovale*.

"Sehubungan itu, saya menasihatkan orang ramai terutama mereka yang sering memasuki hutan agar berhati-hati dan mengambil langkah pencegahan awal.

"Mereka yang menoreh getah, memasuki hutan bagi aktiviti berburu, mencari hasil hutan, memancing dan beriadah digalakkan memakai pakaian berlen-

gan panjang," katanya.

Kasemani berkata, individu yang mempunyai simptom seperti demam, sejuk menggigil, berpeluh dan lemah tubuh badan disaran segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan.

Jelas beliau, orang ramai juga berisiko apabila apabila pergi melancong atau berurusan di negeri berisiko endemik malaria.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : DALAM NEGERI

21 kes demam malaria di Terengganu

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 21 kes demam malaria direkodkan di Terengganu sejak Januari hingga 6 Mei lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, jumlah kes tersebut meningkat 75 peratus berbanding 12 kes yang dilaporkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, daripada 21 kes malaria tersebut, sebanyak 20 kes adalah malaria zoonotik manaka-

la satu kes lagi ialah malaria import daripada jangkitan manusia.

"Daerah Hulu Terengganu merekodkan demam malaria tertinggi iaitu sembilan kes diikuti Kemaman dan Dungun masing-masing empat kes, Setiu (dua) dan Besut serta Marang masing-masing satu kes.

"Bagaimanapun, setakat ini, tiada sebarang wabak atau kes kematian melibatkan demam malaria dilaporkan berlaku di Terengganu," katanya ketika

dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Kasemani berkata, pihaknya berharap orang ramai lebih berhati-hati dan mengambil langkah pencegahan awal terutama ketika mahu memasuki kawasan hutan.

"Pastikan sentiasa memakai pakaian lengan panjang semasa melakukan aktiviti berisiko seperti menoreh getah, berburu, mencari hasil hutan, memancing dan melakukan aktiviti ria-

dah seperti 'jungle tracking'.

"Bagi individu yang mengalami gejala seperti demam, sejuk menggigil, berpeluh dan lemah tubuh badan pula, segera pergi ke klinik atau hospital berdekatan untuk mendapatkan rawatan awal.

"Kegagalan berbuat demikian hanya menyebabkan risiko lebih tinggi kerana malaria boleh mengancam nyawa jika tidak menerima rawatan pada peringkat awal," katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Groups: Regulate vaping to combat youth smoking

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Vaping needs to be regulated, too, to address the youth smoking epidemic, say groups concerned with how vaping will be marketed and sold to the public.

The Malaysia Society for Harm Reduction (MSHR) said vaping should be used as a harm reduction strategy and a tool for smoking cessation for smokers who fail to respond to other therapies, such as nicotine replacement therapy, and should never be for recreational use.

While there were suggestions for the government to raise the vaping age limit from 18 to 21 to curb the youth smoking problem, MSHR chairman Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said she did not support the idea of vaping being used as a consumer product in the first place.

"If you're a non-smoker, you should not be vaping at all, whatever your age is," she said.

Dr Sharifa Ezat cited the government's National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019 survey, which estimated that 4.9 million Malaysians aged 15 years and older were smokers.

Out of this, an estimated 4.7 million are males.

Dr Sharifa Ezat said vape liquid must also be strictly regulated, such as having a restricted amount of nicotine and tamper-proof packaging to prevent other substances such as drugs from being added.

"The government also needs to ensure that there is no diacetyl and that only certain flavourings are allowed. There's a risk of flavourings being used as a pull factor among youths," she said.

On May 7, the Malaysian Substance Abuse Council (Masac) suggested that the age limit for vaping be raised from 18 to 21 to minimise the abuse of vape liquids that may contain drugs.

Masac secretary-general Raja Azizan Suhaimi also said only

"The government also needs to ensure that there is no diacetyl and that only certain flavourings are allowed. There's a risk of flavourings being used as a pull factor among youths."

Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh

locally manufactured vape liquids in sealed glass bottles should be allowed to be sold in the country to curb other substances from being added.

Last month, the government decided to collect excise taxes on nicotine liquids and gels used in e-cigarettes and vaping devices beginning April 1.


To do this, the Health Minister had to exempt nicotine liquids and gels from the Poisons Act.

Current Malaysian laws do not explicitly allow or explicitly ban e-cigarettes or vaping devices, and thus there are no regulations to govern their use.

However, the Tobacco and Smoking Control Bill, dubbed the "generational end game" (GEG), will cover vaping as well.

Under the Bill, children born in 2007 and after will be prohibited from smoking, buying or possessing any type of smoking product, including electronic cigarettes or vape products, even after reaching the age of 18.

However, the Bill met with some resistance and was referred to a Parliamentary Special Select Committee (PSSC) for refinement.



Harm reduction call: There are concerns from certain quarters on how vaping will be marketed to the public.

In March this year, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said that the GEG Bill would be expedited and retabled.

Malaysian Medical Association president Dr Muruga Raj Rajathurai said raising the vaping age limit to 21 might not make much of a difference if there is poor enforcement.

He also said that the longer the tabling and passing of the Tobacco and Smoking Control Bill, the higher the likelihood of more people, including children, becoming vape addicts.

"With nicotine removed from the Poisons Act before the tabling of the Bill, vaping products, including those containing nicotine, can be sold openly and legally to anyone, including children," said Dr Muruga Raj.

Dr Muruga Raj added that vaping is harmful, as the serious health risks associated with vaping have already been well established.

He cited the Health Ministry's Clinical Practice Guidelines on Management of E-cigarette or

Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI), which stated that inhalation of e-cigarette aerosol could potentially cause, among others, adverse effects due to acute use of nicotine, developmental effects on the brain from nicotine exposure, uptake of subsequent illicit drug use, gateway to conventional cigarettes, dual use of both types of cigarettes, and negative psychosocial health.

The Consumer Association of Penang (CAP) said the only way to save the future generation is to ban vaping altogether.

Its education officer NV Subbarow said it was not too late for the government to reverse its decision and put in place a vaping ban to protect the young, adding that raising the age limit for vaping would not make a difference either.

"Look at Australia, for example. Vape sales are restricted by prescription and only to adults who want to quit smoking, but there's still a huge vaping problem among children," he added.

Recalled noodles safe to eat, says Health DG

PETALING JAYA: Ah Lai Penang White Curry Noodle and Indomie Special Chicken Noodle, which were previously recalled after the detection of ethylene oxide, are safe to eat, says Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Based on lab analysis of these two types of instant noodles, he said the products were in compliance with regulations and were safe for consumption.

"As for imported food, the Health Ministry conducts six stages of inspection at the entry point based on risk. Food products entering the country will be analysed, held, tested and released (TUL) as per Level 5 testing procedures," he said.

Only food items that are in compliance with local standards will be released to the Malaysian market, he said in a statement.

Dr Muhammad Radzi said that between 2022 and April this year, a total of 317 samples were taken from food items to determine the levels of ethylene oxide present in them. Of these, 37 samples were instant noodles.

"For products that were found to be non-compliant with existing regulations, the ministry will work together with the said company to ensure that all products involved are recalled from the market," he said.

"We would like to emphasise that the products in the local market have undergone the procedures in place and are safe (for consumption)," he added.

On April 26, the ministry ordered the recall of two batches of the two variants of instant noodles after Taiwanese authorities said they contained a cancer-inducing substance.